

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 October 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Oktober 2024 melainkan jika dinyatakan

## Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing in Shariah-approved shares and securities through Takafulink Dana Ekuiti and Takafulink Dana Sukuk and in any other such Takafulink funds that may become available in the future. Suitable for participants with moderate to high risk tolerance and medium to long term investment horizon.


Takafulink Dana Urus adalah satu dana yang diuruskan untuk memaksimumkan pulangan di dalam jangka masa sederhana ke panjang. Ia dicapai dengan pelaburan di dalam saham dan sekuriti berlandaskan Shariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk serta dana-dana Takafulink yang lain yang mungkin disediakan di masa hadapan. Dana ini adalah untuk para peserta yang mempunyai daya toleransi sederhana ke tinggi dan ingin melabur di dalam jangka masa sederhana ke panjang.

## Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring AI-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM679,077,977.50
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.41978

## How the Fund has performed / Prestasi Dana


Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana  
Takafulink Dana Urus Vs. 80% FBMSHA + 20% 12 MTH MBB Islamic Term Deposit Rate



## Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	-0.77%	-3.08%	2.11%	10.83%	4.24%	17.16%	141.98%
Benchmark / Penanda Aras	-1.15%	-4.23%	0.18%	9.63%	-1.57%	4.75%	69.36%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.38%	1.15%	1.93%	1.20%	5.81%	12.41%	72.62%

## Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



### Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	79.70
2 Takafulink Dana Sukuk	20.30

### Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	9.55
2 IHH Healthcare Berhad	5.67
3 Gamuda Berhad	5.20
4 Telekom Malaysia Berhad	5.20
5 MISC Berhad	4.64
6 PETRONAS Gas Berhad	4.46
7 SD Guthrie Berhad	3.79
8 TIME dotCom Berhad	2.95
9 DIALOG Group Berhad	2.66
10 Mr D.I.Y. Group (M) Berhad	2.59

### Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Sarawak Energy Berhad	3.10
2 DanaInfra Nasional Berhad	2.71
3 AEON Credit Service (M) Sdn Bhd	2.50
4 YTL Power International Berhad	2.06
5 AmlIslamic Bank Berhad	1.99
6 Danum Capital Berhad	1.99
7 Edra Energy Sdn Bhd	1.91
8 PONS Capital Berhad	1.91
9 Pengurusan Air SPV Berhad	1.86
10 Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	1.83

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 October 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Oktober 2024 melainkan jika dinyatakan

## Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

### Equity

#### Market Review

Malaysian equity market declined for the second consecutive month, in line with weakness in the region, as investors stayed on the sidelines ahead of the US elections. Month of October was fairly quiet, and domestic news was centered on Budget 2025. An expansionary budget focused on reforming the economy, fueling change and bringing prosperity to the people. Minimal new taxes were introduced, and a timeline for RON95 subsidy rationalization was stated for mid-2025, although the mechanism of its rollout is still lacking. Cash aid was the highest in this budget at RM13 billion, and minimum wages will increase to RM1,700/month effective 1 February 2025. During the month, Malaysia recorded foreign outflow of RM1.8 billion, the largest foreign outflow since March 2024, which could still be the result of investors diverting funds to China. The FBM Emas Shariah Index closed the month at 12,062.2, down 1.49% MoM. The FBM Small Cap Shariah Index declined 2.37% for the month and underperformed the FBM Emas Shariah Index.

#### Market Outlook

The US Presidential Elections held on the 5 November 2024 saw Donald Trump win his second term as President of the United States of America. Of his campaign promises, the one that will likely be impactful to Asia in general would be the tariffs of 10-20% on all imports, and for Chinese goods imported, tariffs of 60%. This will likely create relatively more upside bias to inflation, as imported goods become more expensive. In addition, his policies may have an inflationary bias given his stance on tightening immigration and mass deportation, which may lead to higher wages given the shrinking workforce. Potential for higher inflation in the US could also result in a stronger USD, as the US Federal Reserve may not be as aggressive with rate cuts, despite Trump's preference for lower rates. We are constructive on the domestic market which will continue to be supported by the improving economy, strong FDI, corporate earnings growth, flushed liquidity and tourism rebound. We will selectively rotate from stocks which have done well and deploy into laggards with potential catalysts, such as companies benefitting from the investment upcycle, US-China trade war and high dividend yielding stocks. In the short term, we may see stronger USD, and this will be positive to Malaysian exporters such as gloves, plantations, technology and selective industrial companies. In the longer term, there could be more market volatility from a Trump presidency.

### Fixed Income

#### Market Review

The Malaysian Government Securities ("MGS") yield curve bear flattened in October, with the short and medium-term yields rising 14-21bps higher while the longer-term yields moved up by 4-12bps. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year benchmarks closed at 3.52% (+16bps), 3.65% (+14bps), 3.90% (+20bps), 3.93% (+21bps), 4.02% (+12bps), 4.15% (+11bps) and 4.24% (+4bps) respectively in October. Meanwhile the Government Investment Issue ("MGII") curve saw an overall upward shift, with the exception of the 30-year which inched lower by 1bp. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year MGII closed at 3.45% (+7bps), 3.65% (+12bps), 3.91% (+22bps), 3.95% (+20bps), 4.02% (+10bps), 4.17% (+10bps), and 4.20% (-1bps) respectively in October. Malaysia's GDP grew 5.3% YoY in 3Q24, slowing from 5.9% in 2Q24 (the strongest increase in eighteen months). The growth was contributed by the manufacturing sector (3Q24: +5.7%, 2Q24: +4.7%) and construction sector (3Q24: +19.5%, 2Q24: +17.3%) while growth in services slowed down (3Q24: +5.1%, 2Q24: +5.9%). In contrast, the agriculture sector expanded at a slower rate from +7.2% in Q3 to +4.0%. Malaysia's inflation eased for the second consecutive month from 1.9% YoY in August to 1.8% in September. The slowdown was driven by a slower increase in the main groups of personal care, social protection and miscellaneous goods and services. Core inflation also cooled down from 1.9% YoY in August to 1.8% in September. Meanwhile, Malaysia's Budget 2025 was tabled on 18 October by the Prime Minister and Finance Minister, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, with the theme, "Reinvigorating the Economy, Driving Reforms and Prospering the Rakyat". It continues to embody the Ekonomi MADANI framework, which aims to restructure the economy to elevate Malaysia as a leading Asian economy and improve the quality of life for all Malaysians, and further builds on Malaysia's National Energy Transition Roadmap ("NETR"), New Industrial Masterplan 2030 ("NIMP 2030"), the 12th Malaysia Plan ("12MP"), and the recently introduced National Semiconductor Strategy ("NSS"). The budget remains expansionary, with a record allocation of RM421 billion versus RM394 billion last year, with RM355 billion for operating expenditure and RM86 billion for development spending. The higher allocations will be funded by higher tax receipts, partly through higher SST collections and other forms of new taxes, and stable dividends from Petronas which were maintained at RM32 billion. The government remains committed to its fiscal reform agendas - broadly, the expansion of the federal revenue base through the widening of taxes and transition to a more targeted subsidy regime - and expects the fiscal deficit to further improve from 4.3% in 2024 to 3.8% in 2025, with the federal debt-to-GDP ratio hovering at 64%. Notable measures in Budget 2025 include widening the scope of SST, an increase in the minimum wage from RM1,500 to RM1,700, rationalization of RON95 fuel subsidies, and higher cash aids. The Government also introduced a new dividend tax of 2% on individuals, enforced a global minimum tax of 15%, imposed carbon taxes for iron, steel and energy (by 2026), raised export duties and windfall profit thresholds for palm oil, and imposed a higher excise duty for sugary drinks.

#### Market Outlook

Looking ahead, Bank Negara Malaysia ("BNM") projects Malaysia's GDP growth to range between 4.5-5.5% for 2025 versus a revised 4.8-5.3% for 2024, driven by sustained domestic demand and recovery in exports. MOF also projects inflation to range between 2.0-3.5% for 2025, and unemployment rate to improve further to 3.1%. The Malaysia 2025 budget appears to be neutral from the fixed income perspective on the back of narrowing fiscal deficit, potential inflationary pressures stemming from subsidy rationalizations and rising income and robust growth prospects amid strong domestic demand. The government's focus to narrow fiscal deficit will be positive on the overall supply demand dynamics, as the smaller net government debt issuances of RM 80 billion (gross debt issuances of RM164 billion) in 2025 against net government debt issuances of RM84.3 billion in 2024 (gross debt issuances of RM183 billion) will result in a drop in total gross debt issuance by approximately RM19 billion in 2025. However, at the same time, we can expect some inflationary pressure over the execution of subsidy rationalization particularly RON 95 by mid-2025, which could have an impact on sukuk yields. Additionally, possible change in spending trends due to the increase in civil servants' minimum salary in February 2025 might give a boost to economic growth via domestic demand at least during the first half of the year. In conclusion, based on the projected inflation and real GDP growth for 2025 provided by the Ministry of Finance, we are of the view that BNM can keep the overnight policy rate ("OPR") steady at 3.00% for most of 2025 with potential upside risk coming in from inflationary pressures and robust growth domestically, while downside risk will stem from the downward cycle of global economy and monetary policy cycle by major central banks. This backdrop allows for continued support to the domestic sukuk market with sukuk yields to stay range bound which supports expectation of a stable total return for Ringgit sukuk fund.

#### Fund Review & Strategy

The Fund returned -0.77% for the month outperforming the benchmark return of -1.15% by 0.38%. Year-to-date, the Fund returned 9.52% outperforming the benchmark return of 8.34% by 1.18%. The outperformance in October was due to the outperformance in the equity portion against its benchmark. As of October 2024, the Fund has 79.7% exposure in equities and 20.3% in sukuk.

### Ekuiti

#### Tinjauan Bulanan

Pasaran ekuiti Malaysia merosot pada bulan ketiga berturut-turut, sejajar dengan kelemahan rantau terbabit, apabila pelabur terus sahaja menjauh dari pasaran menjelang pilihan raya AS. Bulan Oktober agak sunyi, dan berita dalam negeri tertumpu pada Bajet 2025. Belanjawan pembangunan tertumpu

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 October 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Oktober 2024 melainkan jika dinyatakan

pada penguatkuasaan ekonomi, menjana perubahan dan mensejahterakan rakyat. Cukai baharu minimum telah diperkenalkan, dan garis masa untuk rasionalisasi subsidi RON95 telah dinyatakan untuk pertengahan 2025, walaupun mekanisme pelancarannya masih kekurangan. Bantuan tunai adalah yang tertinggi dalam belanjawan ini pada RM13 bilion, manakala gaji minimum akan meningkat kepada RM1,700/bulan berkuat kuasa 1 Februari 2025. Pada bulan tinjauan, Malaysia mencatatkan aliran keluar asing sebanyak RM1.8 bilion, aliran keluar asing terbesar sejak Mac 2024, yang mungkin disebabkan oleh pelabur mengalihkan dana ke China. Indeks FBM Emas Syariah menutup bulan pada 12,062.2, turun 1.49% bulan ke bulan (MoM). Indeks FBM Small Cap Syariah merosot 2.37% pada bulan ini dan tidak mengatasi prestasi Indeks FBM Emas Syariah.

## Gambaran Bulanan

Pilihan Raya Presiden AS yang diadakan pada 5 November 2024 menyaksikan Donald Trump memenangi jawatan Presiden Amerika Syarikat bagi penggal kedua. Antara janji kampanyenya, yang mungkin akan memberi kesan kepada Asia secara amnya ialah tarif 10-20% ke atas semua import, dan tarif sebanyak 60% ke atas barangan China yang diimport. Tarif ini berkemungkinan akan mewujudkan kecenderungan peningkatan secara relatif kepada inflasi, kerana barangan import menjadi lebih mahal. Di samping itu, dasar beliau mungkin mempunyai kecenderungan inflasi memandangkan pendiriannya untuk mengetatkan imigrasi dan pengusiran besar-besaran, yang mungkin membawa kepada gaji yang lebih tinggi memandangkan tenaga kerja yang semakin mengecil. Potensi untuk inflasi yang lebih tinggi di AS juga boleh mendorong USD yang lebih kukuh, kerana Rizab Persekutuan AS mungkin tidak begitu agresif dengan pemotongan kadar, meskipun Trump lebih mengutamakan kadar yang lebih rendah. Kami berpandangan konstruktif tentang pasaran domestik yang akan terus disokong oleh ekonomi yang bertambah baik, FDI yang kukuh, pertumbuhan pendapatan korporat, kecairan yang lebih dari mencukupi dan pemulihan sektor pelancongan. Kami secara selektif akan keluar daripada stok-stok yang telah menunjukkan prestasi yang baik dan menggantikannya dengan stok-stok yang ketinggalan namun memiliki potensi pemangkin, seperti syarikat yang mendapat manfaat daripada kitar tinggi pelaburan, perang perdagangan AS-China dan saham yang menghasilkan dividen tinggi. Menurut jangka pendek, kita mungkin melihat USD yang lebih kukuh, lalu ia akan memberi kesan positif kepada pengeksport Malaysia seperti sarung tangan, perladangan, teknologi dan sebagainya syarikat perindustrian. Menyorot jangka panjang, mungkin terdapat lebih lagi ketaktentuan pasaran berikutan kemenangan Trump merampas kembali jawatan presiden.

## Pendapatan Tetap Tinjauan Bulanan

Kelompok Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") mendarat pada bulan Oktober, dengan hasil jangka pendek dan sederhana meningkat 14-21 mata asas lebih tinggi manakala hasil jangka panjang meningkat sebanyak 4-12 mata asas. Penanda aras 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30 tahun ditutup masing-masing pada 3.52% (+16 mata asas), 3.65% (+14 mata asas), 3.90% (+20 mata asas), 3.93% (+ 21 mata asas), 4.02% (+12 mata asas), 4.15% (+11 mata asas) dan 4.24% (+4 mata asas) pada bulan Oktober. Sementara itu, kelompok Terbitan Pelaburan Kerajaan ("MGIL") naik secara keseluruhan, kecuali tempoh 30 tahun yang turun sebanyak 1 mata asas. MGIL 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30 tahun masing-masing ditutup pada 3.45% (+7 mata asas), 3.65% (+12 mata asas), 3.91% (+22 mata asas), 3.95% (+ 20 mata asas), 4.02% (+10 mata asas), 4.17% (+10 mata asas), dan 4.20% (-1 mata asas) pada bulan Oktober. KDNK Malaysia menumbuh 5.3% YoY pada 3Q24, memperlambat daripada 5.9% pada 2Q24 (peningkatan paling kukuh dalam lapan belas bulan). Pertumbuhan itu disumbangkan oleh sektor pembuatan (3Q24: +5.7%, 2Q24: +4.7%) dan sektor pembinaan (3Q24: +19.5%, 2Q24: +17.3%) manakala pertumbuhan dalam perkhidmatan menjadi perlahan (3Q24: +5.1%, 2Q24: +5.9%). Sebaliknya, sektor pertanian berkembang pada kadar yang lebih perlahan daripada +7.2% pada Q3 kepada +4.0%. Inflasi Malaysia mengendur di bulan kedua berturut-turut daripada 1.9% YoY pada bulan Ogos kepada 1.8% pada bulan September. Pengenduran ini didorong oleh peningkatan perlahan membabitkan kumpulan utama yang terdiri daripada penjagaan diri, perlindungan sosial dan pelbagai barangan dan perkhidmatan. Inflasi teras juga berkurangan daripada 1.9% YoY pada Ogos kepada 1.8% pada September. Sementara itu, Belanjawan Malaysia 2025 telah dibentangkan pada 18 Oktober oleh Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, dengan tema, "Membugar Ekonomi, Menjana Perubahan dan Mensejahterakan Rakyat". Ia terus menjelmakan kerangka Ekonomi MADANI, yang bertujuan untuk menyusun semula ekonomi supaya memartabatkan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan meningkatkan kualiti hidup semua rakyat Malaysia, dan seterusnya membina Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional Malaysia ("NETR"), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 ("NIMP 2030"), Rancangan Malaysia Ke-12 ("RMK-12"), dan Pelan Strategik Semikonduktor Kebangsaan ("NSS") yang diperkenalkan baru-baru ini. Belanjawan kekal mengembang, dengan rekod peruntukan RM421 bilion berbanding RM394 bilion pada tahun lepas, manakala RM355 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan RM86 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Peruntukan yang lebih tinggi akan dibiayai oleh penerimaan cukai yang lebih tinggi, sebahagiannya melalui kutipan SST yang lebih tinggi dan lain-lain bentuk cukai baharu, dan dividen stabil daripada Petronas yang dikekalkan pada RM32 bilion. Kerajaan kekal komited kepada agenda pembaharuan fiskal - secara amnya, pengembangan asas hasil persekutuan melalui pelepasan cukai dan peralihan kepada rejim subsidi yang lebih bersasar - dan menjangka defisit fiskal akan bertambah baik daripada 4.3% pada tahun 2024 kepada 3.8% pada tahun 2025, dengan nisbah hutang persekutuan kepada KDNK berlegar sekitar 64%. Pendekatan ketara dalam Belanjawan 2025 termasuk meluaskan skop SST, kenaikan gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700, rasionalisasi subsidi bahan api RON95, dan bantuan tunai yang lebih tinggi. Kerajaan juga memperkenalkan cukai dividen baharu sebanyak 2% ke atas individu, menguatkuasakan cukai minimum global sebanyak 15%, mengenakan cukai karbon ke atas besi, keluli dan tenaga (menjelang 2026), menaikkan duti eksport dan kadar ambang cukai durian runtuh minyak sawit, dan mengenakan duti eksais yang lebih tinggi ke atas minuman manis.

## Gambaran Bulanan

Memandang ke hadapan, Bank Negara Malaysia ("BNM") mengunjurkan pertumbuhan KDNK Malaysia pada julat antara 4.5-5.5% bagi tahun 2025 berbanding 4.8-5.3% yang disemak bagi tahun 2024, didorong oleh permintaan domestik yang mampan dan pemulihan eksport. MOF juga mengunjurkan inflasi pada julat antara 2.0-3.5% bagi tahun 2025, dan kadar pengangguran meningkat lagi kepada 3.1%. Belanjawan Malaysia 2025 nampaknya neutral dari perspektif pendapatan tetap berikutan defisit fiskal yang semakin mengecil, potensi tekanan inflasi yang berpunca daripada rasionalisasi subsidi dan peningkatan pendapatan serta prospek pertumbuhan yang teguh di tengah-tengah permintaan domestik yang kukuh. Tumpuan kerajaan untuk mengecilkan defisit fiskal suatu langkah positif terhadap dinamik permintaan penawaran keseluruhan, memandangkan terbitan hutang kerajaan bersih yang lebih kecil sebanyak RM80 bilion (penerbitan hutang kasar RM164 bilion) pada tahun 2025 berbanding terbitan hutang kerajaan bersih sebanyak RM84.3 bilion pada tahun 2024 (terbitan hutang kasar sebanyak RM183 bilion), akan mengakibatkan penurunan jumlah pengeluaran hutang kasar sebanyak kira-kira RM19 bilion pada tahun 2025. Sungguhpun demikian, pada masa yang sama, kita boleh menjangkakan pelaksanaan rasionalisasi subsidi terutamanya RON 95 menjelang pertengahan 2025 akan berdepan dengan tekanan inflasi, yang boleh memberi kesan kepada hasil sukuk. Selain itu, kemungkinan perubahan dalam aliran perbelanjaan oleh sebab kenaikan gaji minimum penjawat awam pada bulan Februari 2025 boleh memberi rangsangan kepada pertumbuhan ekonomi melalui permintaan domestik, sekurang-kurangnya pada separuh pertama tahun depan. Kesimpulannya, berdasarkan unjuran inflasi dan pertumbuhan KDNK benar bagi tahun 2025 yang disediakan oleh Kementerian Kewangan, kami berpendapat BNM boleh mengekalkan kadar dasar semalaman ("OPR") yang stabil pada 3.00% bagi sebahagian besar tahun 2025 dengan potensi risiko lebih tinggi (upside risk) datang daripada tekanan inflasi dan pertumbuhan kukuh dalam negara, manakala risiko lebih rendah (downside risk) akan berpunca daripada kitaran menguncup ekonomi global dan kitaran dasar monetari oleh bank pusat utama. Latar belakang ini membolehkan sokongan berterusan kepada pasaran sukuk domestik dengan hasil sukuk kekal dalam julat terikat lalu menyokong jangkaan jumlah pulangan yang stabil buat dana sukuk Ringgit.

## Tinjauan & Strategi Dana

Dana menyampaikan pulangan -0.77% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras sebanyak -1.15% dengan perbezaan 0.38%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana menjana pulangan 9.52% mengatasi pulangan penanda aras 8.34% dengan perbezaan 1.18%. Prestasi baik pada bulan Oktober ini disebabkan oleh pencapaian menggalakan bahagian ekuiti berbanding penanda arasnya. Sehingga Oktober 2024, Dana mempunyai 79.7% pendedahan dalam ekuiti dan 20.3% dalam sukuk.

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 October 2024 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Oktober 2024 melainkan jika dinyatakan

Source / Sumber: Fund Commentary, October 2024, Eastspring AI-Wara' Investments Berhad

## Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

*Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.*

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL